

# Idea peraduan kini jadi sumber perniagaan



**MAHU PERLUAS PERNIAGAAN:** Encik Mohamed Abbas (kiri) dan Encik Muhammad Nur Hizam menghasilkan aplikasi bantu pengguna banding syarat pinjaman. - Foto ADLI YASHIR KUCHIT

11 Apr 2015

ADLI YASHIR KUCHIT

SATU idea yang dicernakan dalam peraduan anjuran Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada tahun lalu kini menjadi wadah perniagaan bagi sepasang usahawan muda.

Sejak September lalu, Encik Muhammad Nur Hizam Ismail, 25 tahun, dan rakan niaganya Encik Mohamed Abbas Sheyed Ebramsa, juga 25 tahun, telah memperhalusi idea yang mereka cernakan semasa menyertai peraduan Ideas Inc di NTU agar ia dapat ditawarkan sebagai aplikasi mudah guna kepada sector pinjaman wang berlesen.

Pada Februari lalu firma start up mereka, Onelyst, telah memperkenalkan aplikasi versi beta dan kini aplikasi itu sudah berupaya beroperasi dengan sepenuhnya.

Aplikasi yang boleh digunakan menerusi omputer dan peranti mudah alih seperti iPhone atau iPad itu, menawarkan khidmat membandingkan syarat pinjaman yang ditawarkan firma pemberi pinjaman berlesen.

Encik Hizam menjelaskan aplikasi yang dihasilkan itu bukan bertujuan menggalak pinjaman tetapi memberi maklumat kepada peminjam sebelum mendapatkan sebarang pinjaman.

"Khidmat ini kami tawarkan percuma kepada orang ramai. Kami tidak menerima sebarang komisen daripada pinjaman yang dibuat sebaliknya kami dikenakan bayaran kepada syarikat pemberi peminjam yang berlesen.

"Dalam pada itu kami membuat penilaian dan memastikan setiap syarikat yang kami rujuk merupakan syarikat berlesen dan menjalankan perniagaan beretika.

"Dengan cara ini kami harap orang ramai tidak akan mendapatkan pinjaman daripada taling atau pemberi pinjaman yang tidak beretika," kata Encik Hizam.

Aplikasi itu juga melindungi data peribadi pelanggan.

Identiti serta butir peribadi pemohon yang ingin mendapatkan pinjaman tidak akan didedahkan kepada syarikat pemberi pinjaman.

Menerusi aplikasi Onelyst, pemohon perlu mengisi boring dalam talian dan selepas mengirimitkan boring tersebut mereka akan menerima tawaran pinjaman daripada firma berlesen.

Setelah membuat permohonan menerusi boring dalam talian, pemohon akan diberi senarai tawaran pinjaman merangkumi kadar faedah yang dikenakan, jumlah ansuran bulanan, tempoh pinjaman serta bayaran tambahan jika terlewat bayar.

"Berkembalikan maklumat ini peminjam boleh membuat perbandingan dan memilih pemberi pinjaman yang menawarkan syarat terbaik," kata Encik Mohamed Abbas.

Dalam pada itu, Onelyst juga mempunyai komponen tanggungjawab sosial.

Pemohon pinjaman yang didapati menghadapi masalah beban hutang akan dirujuk kepada Pusat Penasihat Hutang (DAC) yang dikendalikan Angkatan Karyawan Islam (AMP) atau Khidmat Masyarakat Silver Lining.

Memandang ke depan Onelyst mempunyai rancangan meluaskan operasi keseberang tambak dan sedang mencari pelabur untuk menyokong perniagaan mereka.